



Anwar terima kunjungan hormat Ketua Perwakilan Diplomatik Malaysia

Bernama

Februari 21, 2023 04:00 MYT

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam, menerima kunjungan hormat daripada Ketua-Ketua Perwakilan Diplomatik Malaysia yang bakal memulakan tugas baharu di negara penempatan masing-masing kelak.

Anwar, dalam hantaran di laman Facebook semalam, berkata antara perkara dibincangkan ialah mempergiat usaha menarik pelaburan asing yang berkualiti ke Malaysia.

"Saya turut berkongsi hal tuju dasar luar Malaysia yang berteraskan konsep Malaysia Madani dalam kita mendepani cabaran semasa dan melangkah jauh lebih maju ke hadapan," katanya.

Beliau turut mengucapkan selamat maju jaya kepada mereka dan berharap nama Malaysia dapat dibawa ke tahap lebih baik.

-- BERNAMA